

Title : Hak Asasi Manusia Menurut Perlembagaan Persekutuan

Author(s) : Muhammad Shazren bin Baherudin

Institution : Universiti Teknologi MARA (UiTM)

Category : Article, Competition

Topic : Humanities, Institutionalization

HAK ASASI MANUSIA MENURUT PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

MUHAMMAD SHAZREN BIN BAHERUDIN

Universiti Teknologi MARA (UiTM),

Shah Alam, Selangor, Malaysia.

ABSTRAK

Isu hak asasi manusia merupakan isu yang sentiasa menjadi tumpuan di setiap negara. Secara teorinya, setiap individu mahukan keadilan dan kesaksamaan terhadap hak diri mereka. Menurut Azwa Abdul Rahman (2010), Perlembagaan Persekutuan menyebut mengenai hak asasi manusia dan menjadi rujukan utama kepada hak asasi manusia di Malaysia.¹ Dalam kes-kes mahkamah yang melibatkan pelanggaran atau penafian hak-hak ini, dokumen asas perlembagaan negara inilah yang acapkali digunakan oleh pengamal undang-undang. Artikel ini memfokuskan perbincangan tentang isu hak asasi manusia di Malaysia yang bersandarkan Perlembagaan Persekutuan. Melihat kepada situasi semasa, artikel ini cuba menjelaskan kembali status hak asasi manusia di Malaysia dan penimplementasiannya di negara kita.

1.0 PENGENALAN

Kebebasan merupakan satu perkara yang penting dalam kehidupan seorang manusia. Namun, semakin manusia mengenal erti sebenar kekuasaan, harta, dan kerajaan, manusia semakin lupa akan hakikat keharmonian dan nikmat keamanan hidup di bawah langit yang sama. Kebebasan diri, agama, budaya, dan ideologi, menjadi titik mula perbalahan manusia. Akibat daripada kepelbagaian yang wujud dalam agama yang dianut, perbezaan ideologi dalam kepercayaan yang diikuti, ada yang memilih untuk menegakkan fahaman sendiri berbanding menyelami dan mendalami kefahaman masing-masing.

¹ Azwa Abdul Rahman. (2010, Oktober 4). *Perlembagaan Persekutuan dan Hak Asasi Manusia*. Diakses daripada <http://www.konsumerkini.net.my/v1/index.php/berita-terkini/hak-asasi-manusia/470-perlembagaan-persekutuan-dan-hak-asasi-manusia->

Di Malaysia, hak asasi cuba diketengahkan dalam keadaan yang adil dan saksama secara holistik melalui Perlembagaan Persekutuan. Sebagai fasal undang-undang utama yang menjadi rujukan dalam bidang perundangan di Malaysia, hak asasi manusia telah diselitkan secara terperinci dalam perlembagaan undang-undang. Perkara 5 hingga 13 Perlembagaan Persekutuan menggariskan beberapa isu hak asasi manusia dan kebebasan yang diberikan kepada rakyat Malaysia dalam memenuhi kehendak mereka.² Namun begitu, berbanding dengan kebebasan yang diberikan, ramai ahli masyarakat yang masih kurang jelas dan tidak peka akan kewujudan limitasi yang diletakkan terhadap kebebasan yang diberikan. Dalam kata lain, kebebasan yang diberikan bukanlah kebebasan mutlak.

Bergerak selari dengan pembangunan negara, isu hak asasi manusia semakin ditekankan rakyat dalam menuntut hak mereka untuk mendapatkan kehidupan yang selesa di bawah pentadbiran kerajaan yang ada. Isu kebebasan diri, hak sama rata, kebebasan bersuara, kebebasan beragama dan hak pendidikan sering diketengahkan oleh masyarakat. Hakikatnya, dalam menjaga perpaduan masyarakat pelbagai kaum di negara kita, kebebasan yang diberikan perlulah adil dan tidak menyebelahi mana-mana pihak. Keistimewaan dan identiti negara perlulah dijaga selari dengan hak rakyat dalam memperoleh kehidupan yang selesa.

2.0 KEBEBASAN DIRI

Di bawah Perkara 5 Perlembagaan Persekutuan³, rakyat Malaysia mempunyai kebebasan diri di bawah perlindungan undang-undang. Apabila membincangkan hak kebebasan diri, banyak isu hangat yang sering diperdebatkan. Di bawah Perkara 5(2), “Jika pengaduan dibuat kepada Mahkamah Tinggi atau mana-mana hakim Mahkamah Tinggi menyatakan bahawa seseorang sedang ditahan dengan menyalahi undang-undang, maka mahkamah itu hendaklah menyiasat pengaduan itu dan, melainkan jika mahkamah itu berpuas hati bahawa tahanan itu adalah sah, hendaklah memerintahkan supaya orang itu dibawa ke hadapan mahkamah itu dan melepaskannya.” Peruntukan ini merujuk kepada hak bagi mana-mana individu yang pernah ditahan untuk membuat permohonan di Mahkamah Tinggi sekiranya individu tersebut merasakan bahawa penahanan tersebut adalah tidak sah. Hak ini berasaskan kepada undang-undang *common law Inggeris* iaitu `habeas corpus` yang membawa

² Perlembagaan Persekutuan (Hingga 10 Disember 2015)

³ Perkara 5, Perlembagaan Persekutuan (Hingga 10 Disember 2015)

maksud “*you have the body*”. Seterusnya, bagi peruntukan Perkara 5(3), “Jika seseorang ditangkap maka dia hendaklah diberitahu dengan seberapa segera yang boleh, alasan-alasan dia ditangkap dan dia hendaklah dibenarkan berunding dengan dan dibela oleh seorang pengamal undang-undang pilihannya”. Di bawah peruntukan ini, terdapat dua hak yang dinyatakan iaitu hak untuk mengetahui alasan-alasan sesuatu penangkapan itu dibuat; serta hak untuk berunding dan dibela oleh peguambela pilihan orang yang ditangkap.

Di Malaysia, hak ini dikatakan mendapat kritikan yang hebat kerana beberapa keputusan mahkamah yang tidak jelas mengenai hak ini sama ada mutlak ataupun tidak yang sekaligus menimbulkan persepsi negatif rakyat terhadap mahkamah. Antara isu yang sering yang dibangkitkan, hak perlindungan individu yang ditahan oleh pihak berkuasa. Dalam kes *Mohamed Ezam Bin Mohamed Noor lwn Ketua Polis Negara & Lain-lain*,⁴ mahkamah memutuskan bahawa sekiranya sesuatu penahanan itu dapat dibuktikan bercanggah dengan hak yang pertama yang diperuntukkan dalam Perkara 5(3) iaitu hak untuk mengetahui alasan-alasan sesuatu penahanan itu dibuat, maka penahanan tersebut boleh dikira sebagai penahanan yang tidak sah. Namun, untuk yang hak kedua iaitu hak untuk berunding dan dibela oleh peguambela pilihan orang yang ditangkap, mahkamah menambah sekiranya terbukti bahawa mana-mana individu yang tidak dibela oleh mana-mana peguambela seperti dinyatakan, maka penahanan itu dikatakan sah. Keputusan ini mendapat kritikan daripada sebahagian pakar ilmuwan termasuklah Profesor Dr. Abdul Aziz Bari yang berpendapat bahawa berdasarkan kes di atas, hak yang kedua bukanlah hak yang mutlak. Beliau juga menambah bahawa kedua-dua peruntukan ini hendaklah sepatutnya ditafsir secara sama berat dan rata.

Melihat kepada perkara di atas, kerajaan seharusnya meneliti dan memikirkan solusi yang terbaik bagi menjamin masalah ini boleh diselesaikan. Salah satu usaha yang telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan adalah menerusi penubuhan satu badan khas bagi menangani isu yang dibangkitkan. Pujian harus diberikan kepada pihak kerajaan kerana telah meluluskan Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia 1999 (Akta) yang membawa kepada penubuhan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM). Akta ini memperuntukkan bahawa kuasa dan fungsi SUHAKAM sebagai sebuah suruhanjaya bebas, untuk memberi pendidikan dan perlindungan di samping memajukan hak asasi manusia di Malaysia. Melalui Akta ini juga, kuasa diberikan kepada SUHAKAM untuk mengadakan peruntukan lain yang berkaitan

⁴ *Mohamed Ezam Bin Mohamed Noor lwn Ketua Polis Negara & Lain-lain* [2002] 4 CLJ 309

dengan hak asasi manusia sekiranya perlu. Sebagaimana yang dinyatakan, tujuan penubuhan SUHAKAM adalah untuk melindungi dan memajukan hak asasi manusia di Malaysia. Oleh yang demikian, fungsi SUHAKAM adalah untuk menangani salah laku dan pencabulan terhadap hak asasi serta menyediakan pendidikan bagi memupuk kesedaran kepada masyarakat mengenai kepentingan untuk memahami dan menghormati hak tersebut. Selain itu, SUHAKAM juga berfungsi untuk menasihati dan membantu kerajaan dalam merangka dan merumuskan perundangan, arahan dan tatacara pentadbiran berhubung dengan hak asasi manusia dan mengesyorkan sebarang langkah-langkah yang perlu diambil. Tambahan pula, SUHAKAM berhak menjalankan penyiasatan ke atas sebarang pelanggaran hak asasi sama ada atas aduan atau atas kehendak sendiri.

Sejajar dengan itu, apabila ingin membincangkan mengenai kerelevan atau kaitan SUHAKAM dengan hak kebebasan diri, SUHAKAM boleh bertindak sebagai satu badan untuk mewakili mangsa-mangsa atau individu-individu yang merasakan hak mereka telah dicabul. Hal ini adalah kerana SUHAKAM juga berfungsi mengendalikan kes-kes dan aduan yang melibatkan pelanggaran hak asasi sebagaimana yang termaktub di dalam Bahagian II Perlembagaan Persekutuan. SUHAKAM juga boleh menjadi orang tengah dalam menasihati kerajaan untuk mewujudkan garis panduan yang lebih terperinci mengenai hak asasi rakyat Malaysia. Oleh yang demikian, rakyat Malaysia secara umumnya tidak menikmati hak kebebasan diri seperti yang termaktub dalam Perkara 5 Perlembagaan Persekutuan khususnya melibatkan hak individu-individu yang ditahan oleh pihak berkuasa. Namun, dengan adanya agensi bebas seperti SUHAKAM yang mempunyai fungsi dan bidang kuasa yang luas, mampu menjadi pemangkin bagi menyelesaikan masalah ini.

3.0 KESAMARATAAN

Di dalam Perkara 8(1) Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan semua orang adalah sama rata disisi undang-undang dan berhak mendapat perlindungan sama rata disisi undang-undang. Seterusnya, di dalam Perkara 8(2) Perlembagaan Persekutuan menekankan bahawa diskriminasi tidak seharusnya berlaku disebabkan faktor perbezaan agama, kaum, keturunan, tempat lahir dan jantina dalam mana-mana seperti pemerolehan, pemegangan atau pelupusan harta atau berhubung dengan penubuhan atau pertukangan, perniagaan, profesion,

kerjaya atau pekerjaan.⁵ Walau bagaimanapun, terdapat beberapa isu mengenai prinsip kesamarataan di Malaysia antaranya adalah isu jantina, agama dan dari sudut ekonomi.

Isu ketidakadilan dan diskriminasi terhadap kaum wanita tidak pernah lekang dari bibir masyarakat di Malaysia. Hal ini seterusnya membawa kepada tuntutan bagi memperjuangkan hak-hak wanita, yang dinamai sebagai hak kesamarataan gender, iaitu membenarkan hak yang sama kepada lelaki dan wanita dalam semua perkara. Di Malaysia, pertubuhan Sister In Islam (SIS), Gabungan Kumpulan Wanita Bertindak bagi Kesamarataan Gender (JAG) dan sebagainya merupakan antara organisasi yang aktif memperjuangkan hak tersebut dengan mencadangkan kajian semula terhadap sistem dan undang-undang Syariah di negara ini.⁶ Hal ini bertujuan bagi memastikan bahawa ia selaras dengan iltizam Perlembagaan Persekutuan terhadap prinsip keadilan dan kesamarataan gender.

Sejajar dengan itu, kedaulatan Islam sebagai agama rasmi negara acapkali dicabar dengan aliran perjuangan untuk mendapatkan hak kesamarataan agama. Lantaran itu, wujudnya penubuhan Suruhanjaya antara Agama (Inter-Faith Commission) yang bertindak dan berfungsi sebagai badan yang mendengar kes-kes berkaitan dengan hak individu dalam mengamalkan kebebasan beragama.⁷ Walaupun pada awalnya pihak kerajaan menangguhkan kelulusan IFC, namun perjuangan IFC ini disokong hebat oleh Majlis Peguam, HINDRAF dan sebagainya. Hal ini kerana perjuangan dalam menuntut hak kesamarataan agama bukan sahaja memberi ruang kepada orang bukan Islam dalam mencampuri hal ehwal agama Islam, bahkan ianya memberi ancaman yang memudarkan terhadap kedaulatan Islam seterusnya mencabar institusi raja yang merupakan ketua agama Islam di Malaysia.

Seterusnya, dari sudut ekonomi pula, sejak merdeka lagi, ekonomi di Tanah Melayu semuanya dikuasai orang Cina sehingga kini. Dari tahun 70-an, kerajaan telah mewujudkan Dasar Ekonomi Baru untuk membantu Bumiputera yang terdiri daripada 60% dari penduduk Malaysia bagi mencapai sasaran ekuiti 30%. Namun begitu, sehingga kini sasaran itu tidak dapat dicapai, berbanding dengan golongan Cina yang cuma mempunyai 30% dari penduduk

⁵ Perkara 8, Perlembagaan Persekutuan (Hingga 10 Disember 2015)

⁶ (2013 Februari 5). Gabungan Kumpulan Wanita Bertindak Bagi Kesamarataan Gender (JAG): *Sekali Lagi, Kotakan Kata!* Diakses daripada <http://www.sistersinislam.org.my/news.php?item.1149.8>

⁷ Haji Mahamad Naser Bin Disa. *Hak Asasi & Kebebasan Diri Perspektif Syara' dan Humanisme: Satu Analisis Perbandingan*. Diakses daripada http://www.jais.gov.my/sites/default/files/artikel_asas/rnd/2012/julai/KertasKerja_1.pdf

Malaysia, tetapi mampu menguasai 70% ekonomi di Malaysia. Hal ini menunjukkan ketidaksamarataan dalam sudut ekonomi yang dimonopoli oleh kaum Cina khususnya. Justeru, kaum Cina perlulah memberi peluang sama rata kepada kaum lain dalam menjawat jawatan tinggi di sektor ekonomi.

4.0 KEBEBASAN BERSUARA

Hak bersuara atau kebebasan bersuara diiktiraf dan tergolong di bawah undang-undang hak asasi manusia antarabangsa dan tercatat dalam Perjanjian Antarabangsa mengenai Hak-hak Sivil dan Politik (ICCPR). Selain itu, dokumen penting lain yang mengiktiraf hak bersuara ialah Konvensyen Eropah mengenai Hak Asasi Manusia, Konvensyen Amerika mengenai Hak Asasi Manusia dan Piagam Afrika mengenai Hak Asasi Manusia dan Rakyat. Seiring dengan itu, Perlembagaan Persekutuan memberi jaminan terhadap hak kebebasan bersuara kepada setiap warganegara Malaysia, seperti yang termaktub dalam Perkara 10(1)(a)⁸. Namun, hak ini terbatas menerusi had-had tertentu seperti yang dibenarkan undang-undang melalui Perkara 10(2)(a). Klausula (2)(a) acap kali dikatakan membataskan hak kebebasan bersuara di negara ini sebenarnya tidak bercanggah dengan peruntukan dalam instrumen hak asasi manusia antarabangsa, sebagai contoh di dalam Fasal 29(3) UDHR 1948 dan Fasal 19(3) ICCPR membenarkan had terhadap hak diperuntukkan Fasal 19(2) ICCPR, dengan syarat had itu mesti dibenarkan undang-undang.⁹ Had ini penting bagi menjamin perlindungan keselamatan negara, ketenteraman awam serta kesihatan atau moral masyarakat awam.

Falsafah perundangan menetapkan tiada masyarakat boleh diberi hak kebebasan bersuara tanpa had seperti dinyatakan oleh Hakim Holmes dalam kes *Schneck lawan Amerika Syarikat (1919)*¹⁰ yang menyatakan bahawa had haruslah ditetapkan bagi mencegah individu-individu daripada mengeluarkan perkataan yang tidak sesuai yang boleh mengancam dan membahayakan ketenteraman awam. Tambahan lagi, kerajaan mempunyai hak untuk mencegah perkara itu daripada terus berlaku. Oleh yang demikian, kewujudan undang-undang seperti Akta Hasutan 1948 di Malaysia bertujuan untuk mengawal hak kebebasan bersuara

⁸ Perkara 10, Perlembagaan Persekutuan (Hingga 10 Disember 2015)

⁹ Azril Mohd Amin. (2016, Julai 27). *Barat Hilang Arah Cari Makna Hak Kebebasan*. Diakses daripada <http://www.bharian.com.my/node/177329>

¹⁰ *Schneck lawan Amerika Syarikat (1919)*

merupakan tindakan yang wajar diambil oleh kerajaan bagi mengimbangi hak itu dengan tugas dan tanggungjawab menjaga keselamatan negara dan keharmonian antara kaum.

Warganegara Malaysia mempunyai kebebasan dalam mengeluarkan pendapat dan buah fikiran selagi mana tidak menyentuh isu-isu sensitif yang telah dinyatakan dalam Perkara 10(4). Parlimen boleh mengenakan sekatan terhadap kebebasan bersuara melalui undang-undang jika mendapati sekatan tersebut perlu demi menjaga kepentingan keselamatan hubungan baik dengan negara lain. Selain itu, sekatan-sekatan tersebut juga bertujuan untuk melindungi keistimewaan Parlimen atau Dewan Undangan Negeri. Tambahan pula, sekatan ini juga diwujudkan bagi mencegah institusi kehakiman seperti mahkamah daripada dihina seperti yang dinyatakan di bawah Perkara 10 (2)(a). Oleh yang demikian, kewujudan undang-undang seperti Akta Hasutan 1948 serta undang-undang lain bertujuan mengawal hak kebebasan bersuara ternyata langkah wajar bagi mengimbangi hak itu dengan tugas dan tanggungjawab menjaga keselamatan negara, keharmonian antara kaum dan khususnya kedudukan Islam sebagai agama negara yang dijamin Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan.

Di samping itu, hak kebebasan bersuara juga telah disalahguna oleh sebahagian mahasiswa di negara ini. Hal ini terbukti dengan penahanan Muhammad Safwan Anang, salah seorang aktivis mahasiswa yang telah ditahan pada tahun 2013 kerana didapati bersalah mengeluarkan kata-kata menghasut iaitu menggesa orang ramai untuk menghapuskan kerajaan Malaysia semasa demonstrasi jalanan, bukan ucapan menghasut. Namun, pada tahun 2016, Safwan dibebaskan di peringkat Mahkamah Rayuan. Perbicaraan yang diadili oleh tiga panel hakim Mahkamah Rayuan iaitu Hakim Prasad Sandosham Abraham, Mohtarudin Baki dan Zakaria Sam, bersetuju sebulat suara bahawa pihak pendakwaan gagal membuktikan kes terhadap bekas pelajar Universiti Malaya yang berusia 26 tahun itu.¹¹ Walaupun Safwan telah dibebaskan kerana pihak mahkamah mendapati bahawa pihak pendakwaan gagal membuktikan kes, kewujudan kes ini menjadi indikator bahawa gerakan mahasiswa yang mungkin akan menyalahgunakan hak bersuara mungkin telah wujud. Jika dilihat dari tahun-tahun sebelum ini, kes yang melibatkan Adham Adli, salah seorang pelajar Universiti Malaya yang telah ditahan oleh pihak berkuasa menunjukkan bahawa mahasiswa mungkin telah `lebih berani` untuk bersuara. Hak mereka dikatakan terbatas kerana wujudnya Akta Universiti dan Kolej

¹¹ Shuman Vasu. (2016, Disember 20). *Mahkamah Malaysia Bebaskan Bekas Aktivis Pelajar Daripada Tuduhan Hasutan*. Diakses daripada <http://www.benarnews.org/malay/berita/my-safwananang-161220-12202016175200.html>

Universiti (AUKU) yang dikatakan membataskan pelajar dalam melibatkan diri dalam bidang politik.

Justeru, kebebasan bersuara wajar dikawal bagi mengelakkan pelbagai implikasi. Jika hak ini tidak dikawal, keretakan hubungan antara kaum boleh berlaku. Provokasi bersifat rasis atau perkauman, pergaduhan serta sikap melulu merupakan ramuan terbaik bagi insiden perkauman untuk berlaku. Kesemua ramuan ini boleh dibuktikan melalui peristiwa 13 Mei 1969. Di samping itu, sekiranya hak bersuara tidak dibendung, keamanan yang dimiliki negara boleh tergugat. Apabila frasa hak kebebasan bersuara disebut, sudah pastilah perarakan atau demonstrasi akan timbul di minda kita. Sebagai contoh, demonstrasi yang telah dianjurkan oleh pihak Gabungan Pilihan Raya Bersih dan Adil (Bersih) yang berlaku tidak lama dahulu banyak mengganggu dan menggugat keamanan rakyat dan juga negara. Bangunan dibakar, kedai dimasuki pencuri dan banyak individu tidak bersalah diserang. Dari segi ekonomi, banyak kedai dan perniagaan telah ditutup di tengah-tengah Bandaraya Kuala Lumpur yang menjurus kepada kerugian ekonomi yang besar bagi peniaga-peniaga yang kebanyakannya berniaga pada hujung minggu.

5.0 KEBEBASAN BERAGAMA

Di dalam Perkara 3(1) Perlembagaan Persekutuan mengiktiraf Islam sebagai agama rasmi dan pada masa yang sama mengiktiraf kebebasan penganut agama lain dalam menganuti dan mengamalkan agama mereka.¹² Seterusnya, di dalam Perkara 11(1) Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa “Tiap-tiap orang adalah berhak menganuti dan mengamalkan agamanya dan tertakluk kepada Fasal (4) dalam mengembangkan agamanya”.¹³ Peruntukan ini mengiktiraf kewujudan pelbagai agama dalam masyarakat dan juga menjadi peruntukan yang selalu digunakan apabila hak kebebasan beragama dinafikan.

Sehingga kini, hak kebebasan beragama sering mendapat perhatian dalam kalangan masyarakat lebih-lebih lagi berkaitan hak penukaran agama. Hal ini demikian kerana, kesukaran yang dihadapi oleh seseorang individu dalam menukar agamanya kepada agama yang lain. Walaupun hak untuk keluar agama tidak dinyatakan secara jelas sebagaimana yang

¹² Perkara 3, Perlembagaan Persekutuan (Hingga 10 Disember 2015)

¹³ Perkara 11, Perlembagaan Persekutuan (Hingga 10 Disember 2015)

termaktub dalam Perkara 11(1), ianya dikatakan sebagai hak kebebasan menukar agama kerana peruntukkan kebebasan beragama tidak bermakna tanpa hak untuk menukar agama. Walaupun halangan seakan-akan wujud bagi orang Islam dalam melaksanakan hak untuk menukar agama, tiada halangan bagi mereka yang menukar agama secara sukarela dan apabila telah mencapai umur 18 tahun.¹⁴

Oleh yang demikian, hak semua warganegara untuk menukar agama adalah wujud secara tersirat dalam Perkara 11(1) Perlembagaan Persekutuan walaupun peruntukan melalui perkataan tidak menyebut secara langsung perkataan “memilih” atau “menukar”.¹⁵ Menafikan hak orang Melayu atau Islam untuk keluar agama bermaksud menafikan juga hak orang bukan Islam untuk masuk Islam. Hal ini demikian kerana, penukaran agama bukan merupakan satu persoalan di bawah Perlembagaan Persekutuan kerana hak itu wujud dan diberikan kepada semua individu.

Hakikatnya, bagi orang Islam aturan dikenakan di bawah enakmen negeri sebelum seseorang diisytiharkan sebagai telah keluar dari agama Islam. Ianya tidak dinafikan bahawa orang Islam mengalami kesukaran untuk keluar Islam di Malaysia, namun hal ini bukanlah sesuatu yang mustahil. Kebebasan beragama adalah sangat penting bagi Malaysia yang mempunyai masyarakat berbilang etnik, dan sekatan terhadap kebebasan beragama di Malaysia di bawah Perkara 11(1) hanya dari segi sebaran atau pengembangan agama lain terhadap orang Islam berdasarkan peruntukan Fasal (4).¹⁶

6.0 HAK PENDIDIKAN

Di dalam Perkara 12 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan hak berkenaan dengan pendidikan. Perkara 12(1) menjelaskan bahawa tidak boleh wujud diskriminasi terhadap mana-mana warganegara atas alasan agama, ras, keturunan atau tempat lahir, dalam pentadbiran mana-mana institusi pendidikan dan dalam memberikan bantuan kewangan.¹⁷

¹⁴ Shad Saleem Faruqi, 2008. *Document of Destiny; The Constitution of the Federation of Malaysia*. Selangor: Star Publications (Malaysia) Bhd. hlm. 140-43

¹⁵ Nurjaanah Abdullah @ Chew Li Hua, 2001. *Legislating Faith in Malaysia*. Sing. J. Legal Stud. hlm. 264

¹⁶ Andrew Harding, 1996. *Law, Government and the Constitution in Malaysia*. Kuala Lumpur: Malayan Law Journal Sdn. Bhd. hlm. 201.

¹⁷ Perkara 12, Perlembagaan Persekutuan.

Selain itu, Perkara 153(3) Perlembagaan Persekutuan pula memperuntukkan hak pendidikan dan biasiswa istimewa untuk orang Melayu dan bumiputera Sabah dan Sarawak.

Menurut Konvensyen-konvensyen dan Undang-undang yang Menjamin Hak Sama Rata Semua Kanak-kanak untuk Kualiti Pendidikan di Persekitaran yang Menyeluruh Edisi Malaysia, anjuran Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Persatuan Bangsa-bangsa Bersatu (UNESCO), pendidikan menyeluruh adalah satu hak asasi manusia, dan ia adalah pendidikan yang baik kerana berupaya menghasilkan pertimbangan sosial yang baik buat kanak-kanak.¹⁸ Pendidikan juga dikategorikan sebagai faktor utama pembangunan dan kemajuan sesebuah negara yang perlu dititikberatkan sejak kanak-kanak sudah mula mampu untuk berkata-kata, iaitu sekitar umur lima tahun.

Menyedari kepentingan hak pendidikan kanak-kanak perlu dilindungi, pelbagai akta dan konvensyen telah digubal di dalam negara dan di peringkat antarabangsa. Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat 1948 (UDHR), Konvensyen Hak Kanak-Kanak 1989 (CRC) serta Akta Kanak-Kanak 2001 adalah antara usaha yang wujud dalam menjaga hak asasi kanak-kanak termasuklah hak pendidikan.¹⁹ Malah Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suhakam) juga memainkan peranan penting dalam memelihara hak pendidikan bagi kanak-kanak di Malaysia melalui mandatnya sebagai badan yang memantau sebarang bentuk diskriminasi dan penafian hak asasi manusia di Malaysia.²⁰

Meskipun pelbagai usaha telah dijalankan oleh pelbagai pihak, masih terdapat kanak-kanak yang tercicir daripada memenuhi hak pendidikan mereka terutamanya kanak-kanak kurang upaya (OKU), kanak-kanak orang Asli, kanak-kanak yang hidup miskin dan jauh di pedalaman, serta kanak-kanak pemohon suaka yang duduk di Malaysia. Status golongan kanak-kanak ini yang ketinggalan daripada dunia akademik menyebabkan mereka sukar untuk mendapatkan peluang pekerjaan pada masa akan datang. Kesukaran ini akan membawa kepada pelbagai impak negatif seperti wujudnya jurang kemiskinan, kadar buta huruf, kadar pengangguran, dan masalah gejala sosial.

¹⁸ Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Persatuan Bangsa-bangsa Bersatu UNESCO. (2008). *Ringkasan : Konvensyen-konvensyen dan Undang-undang yang Menjamin Hak Sama Rata Semua Kanak-kanak untuk Kualiti Pendidikan di Persekitaran yang Menyeluruh, Malaysia*. Bangkok: UNESCO Bangkok, 52 p.

¹⁹ Muammar Eusouffi Zainol Abidi. (2016, Mac 10). *Memartabatkan Hak Kanak-kanak*. Diakses daripada <http://www.utusan.com.my/rencana/memartabatkan-hak-kanak-kanak-1.198966>

²⁰ Ibid

Peranan pihak-pihak bertanggungjawab perlu diperluaskan lagi bagi memastikan hak pendidikan sampai kepada semua kanak-kanak di negara kita. Ibu bapa juga perlu turut sama memainkan peranan dengan memastikan anak-anak dapat menuntut pelajaran dan tidak ketinggalan. Hakikatnya, tanpa kesedaran tentang betapa pentingnya pendidikan dalam hidup seseorang, hak pendidikan akan sentiasa diambil mudah dan tidak dianggap penting bagi sesetengah pihak.

7.0 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, isu hak asasi manusia akan sentiasa berubah mengikut peredaran masa dan pembangunan negara. Pelbagai usaha daripada badan kerajaan mahupun bukan kerajaan telah dijalankan bagi menegakkan hak asasi manusia yang dicabul. Undang-undang merupakan jalan utama yang dipilih oleh kerajaan dalam mengawal selia hak asasi manusia di dalam negara kita. Bersandarkan Perlembagaan Persekutuan, negara kita masih mampu berdiri stabil dalam mendepani isu hak asasi manusia. Melihat kepada situasi semasa, perkara utama yang perlu untuk dititikberatkan adalah pemahaman dan penjelasan kepada seluruh masyarakat akan status hak asasi mereka dan tuntutan-tuntutan yang dibenarkan. Usaha daripada pelbagai pihak amatlah digalakkan dalam memberi kerjasama untuk mewujudkan suasana hak asasi manusia yang sentiasa terjaga untuk semua lapisan masyarakat tanpa mengira ras, bangsa, agama, warna kulit dan status kewarganegaraan.

8.0 RUJUKAN

Abdul Aziz Bari & Farid Sufian Shuaib. *Constitution of Malaysia; Text and Commentary, Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur: Prentice Hall, 2009, m/s. 23-24.

Harlida Abdul Wahab, Asiah Bidin. Akta 597: *Satu Perkembangan Hak Asasi Manusia Di Malaysia*. Diakses daripada http://repo.uum.edu.my/447/1/Harlida_Abdul_Wahab.pdf

Azwa Abdul Rahman. (2010, Oktober 4). *Perlembagaan Persekutuan dan Hak Asasi Manusia*. Diakses daripada <http://www.konsumerkini.net.my/v1/index.php/berita-terkini/hak-asasi-manusia/470-perlembagaan-persekutuan-dan-hak-asasi-manusia->

Perlembagaan Persekutuan (Hingga 10 Disember 2015).

Mohamed Ezam Bin Mohamed Noor lwn Ketua Polis Negara & Lain-lain [2002] 4 CLJ
309

(2013 Februari 5). *Gabungan Kumpulan Wanita Bertindak Bagi Kesamarataan Gender (JAG): Sekali Lagi, Kotakan Kata!* Diakses daripada <http://www.sistersinislam.org.my/news.php?item.1149.8>

Haji Mahamad Naser Bin Disa. *Hak Asasi & Kebebasan Diri Perspektif Syara' dan Humanisme: Satu Analisis Perbandingan.* Diakses daripada http://www.jais.gov.my/sites/default/files/artikel_asas/rnd/2012/julai/KertasKerja_1.pdf

Azril Mohd Amin. (2016, Julai 27). *Barat Hilang Arah Cari Makna Hak Kebebasan.* Diakses daripada <http://www.bharian.com.my/node/177329>

Schneck lawan Amerika Syarikat (1919)

Shuman Vasu. (2016, Disember 20). *Mahkamah Malaysia Bebaskan Bekas Aktivis Pelajar Daripada Tuduhan Hasutan.* Diakses daripada <http://www.benarnews.org/malay/berita/my-safwananang-161220-12202016175200.html>

Shad Saleem Faruqi, 2008. *Document of Destiny; The Constitution of the Federation of Malaysia.* Selangor: Star Publications (Malaysia) Bhd. hlm. 140-43

Nurjaanah Abdullah @ Chew Li Hua, 2001. *Legislating Faith in Malaysia.* Sing. J. Legal Stud. hlm. 264

Andrew Harding, 1996. *Law, Government and the Constitution in Malaysia.* Kuala Lumpur: Malayan Law Journal Sdn. Bhd. hlm. 201.

Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Persatuan Bangsa-bangsa Bersatu UNESCO. (2008). *Ringkasan: Konvensyen-konvensyen dan Undang-undang yang Menjamin Hak Sama Rata Semua Kanak-kanak untuk Kualiti Pendidikan di Persekitaran yang Menyeluruh, Malaysia.* Bangkok: UNESCO Bangkok, 52 p.

Muammar Eusouffi Zainol Abidi. (2016, Mac 10). *Memartabatkan Hak Kanak-kanak.* Diakses daripada <http://www.utusan.com.my/rencana/memartabatkan-hak-kanak-kanak-1.198966>